

BIODATA

PROF. DATO' DR. AB. HALIM BIN TAMURI

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri dilahirkan pada 9 Oktober 1967 di Tg. Karang Selangor. Berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pendidikan Islam serta PhD Pendidikan Islam dari Universiti Birmingham. Berkhidmat di Fakulti Pendidikan UKM sejak tahun 2000. Kini memegang jawatan sebagai Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bermula pada 1 Julai 2013.

Beliau merupakan ahli lembaga pengajian dan penasihat akademik di beberapa institusi pengajian tinggi awam dan Pengerusi Panel Pakar Bidang Fiqh, Dewan Bahasa Pustaka. Sehingga kini beliau telah menyumbangkan beberapa penulisan buku-buku ilmiah dan jurnal untuk rujukan seperti Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran , Sistem dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim, Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam serta beberapa penulisan yang lain. Pada 2015 beliau telah dianugerahkan Tokoh Imam Al-Ghazali bersempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor.

Beliau juga adalah Presiden Persatuan Intelektual Muslim Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Mualaf Selangor, Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Khutbah Negeri Selangor, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Ahli Jawatankuasa Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS), ahli panel Cendekiawan Ulung Majlis Dakwah Negara ,ahli Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara dan juga ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia.